MOHAMAD SABU

lwn.

PEGAWAI PENGURUS PILIHANRAYA & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA TERENGGANU
RAMLY ALI H
[PETISYEN PILIHANRAYA NO: 2-2008]
2 JUN 2008

PILIHANRAYA: *Petisyen - Bantahan awal - Sama ada petisyen berlandaskan alasan yang diperuntukkan di bawah s. 32 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 - Mencabar kesahihan undang-undang bertulis di bawah s. 16 Akta Pilihan Raya 1958 - Sama ada petisyen menunjukkan bagaimana ketidakpatuhan peruntukan menjejaskan keputusan pilihanraya - Perbezaan antara tindakan mencabar undang-undang pilihanraya dengan satu keputusan atau perjalanan proses pilihanraya- Sama ada mahkamah mempunyai bidangkuasa untuk membuat deklarasi atau perintah bahawa sesuatu undang-undang adalah ultra vires Akta Induk atau Perlembagaan Persekutuan - Sama ada keesahan atau kesahihan Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 tidak boleh dicabar melalui satu petisyen pilihan raya - Sama ada petisyen adalah cacat*

Kes ini melibatkan petisyen pilihanraya P36 Parlimen Kuala Terengganu oleh calon Parti Islam Se-Malaysia (PAS) (sebagai pempetisyen) ke atas Pegawai Pengurus Pilihanraya (responden pertama), Suruhanjaya Pilihanraya (responden kedua) dan calon Barisan Nasional (BN) (responden ketiga). Responden ketiga telah dilapor pilih sebagai calon yang menang (dengan majoriti undi sebanyak 628 undi) dalam pilihanraya tersebut oleh responden pertama dan kemenangan itu telah diwartakan oleh responden kedua. Petisyen ini telah dibuat di bawah s. 32(b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954. Antara relif-relif yang dipohon oleh pempetisyen adalah pengisytiharan bahawa pilihan raya tersebut adalah tidak sah dan pengisytiharan bahawa responden ketiga telah tidak dipilih dengan sewajarnya. Antara alasan yang digunakan oleh pempetisyen sebagai menyokong petisyen ini adalah bahawa Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 yang dibuat di bawah s. 16 Akta Pilihan Raya 1958 adalah *ultra vires* ss. 13(2) dan 16(2) Akta Pilihan Raya 1958 dan Peraturan-

Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 adalah bercanggah dengan Perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan dan berdasarkan Perkara 4(1) Perlembagaan Persekutuan, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 tersebut adalah batal. Responden pertama dan kedua telah memberikan notis bantahan awal kepada pempetisyen yang memohon mahkamah ini membuat keputusan terlebih dahulu sama ada kes ini patut dibicarakan atau tidak berdasarkan alasan berikut: (a) bahawa petisyen ini adalah cacat kerana tidak berasaskan kepada mana-mana alasan sepertimana yang diperuntukkan oleh s. 32 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5); (b) bahawa petisyen ini tidak menunjukkan bagaimana ketidakpatuhan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan mana-mana perjalanan pilihan raya telah menjejaskan keputusan pilihan raya sepertimana yang diperuntukkan di bawah s. 32(b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954; (iii) keesahan Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 tidak boleh dicabar melalui satu petisyen pilihan raya. Di samping itu, responden ketiga juga mengemukakan bantahan awal tambahan *ie* mahkamah ini tidak mempunyai bidangkuasa untuk mendengar petisyen ini atas alasan kegagalan pempetisyen mematuhi peruntukan k. 15(1) Kaedah-kaedah Petisyen Pilihan Raya 1954 kerana gagal menyerahkan petisyen ini secara sendiri kepada responden ketiga.

Diputuskan (menolak petisyen):

(1) Hak seseorang untuk mempertikaikan sesuatu keputusan pilihan raya adalah merupakan hak ciptaan statut iaitu s. 32 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, dan bukannya hak di bawah common law atau ekuiti. Melalui hak tersebut, seseorang pempetisyen boleh memohon kepada mahkamah pilihan raya untuk mengisytiharkan sesuatu keputusan pilihan raya sebagai tidak sah. Oleh itu, sebelum mahkamah dapat membenarkan sesuatu deklarasi yang dipohon oleh pempetisyen semua peruntukan statut yang berkenaan hendaklah dipatuhi sepenuhnya dengan ketat. Petisyen ini adalah cacat kerana tidak berlandaskan kepada mana-mana alasan seperti yang diperuntukkan di bawah s. 32 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954. (perenggan 19 & 43)

(2) Apa yang dipertikaikan oleh pempetisyen bukanlah mengenai tindakan atau perlakuan atau ketidakpatuhan mana-mana pihak terhadap undang-undang tersebut sebaliknya pempetisyen mencabar kesahihan suatu undang-undang bertulis iaitu Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 yang dibuat di bawah s. 16 Akta Pilihan Raya 1958. Pempetisyen telah mencabar atau mempertikaikan tindakan atau perlakuan pihak-pihak berkenaan yang mematuhi peraturan-peraturan tersebut, bukan ketidakpatuhan peraturan-peraturan tersebut seperti yang dikehendaki di bawah s. 32(b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954. Petisyen ini tidak menunjukkan bagaimana ketidakpatuhan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan mana-mana perjalanan pilihan raya yang telah menjejaskan keputusan pilihan raya seperti yang diperuntukkan di bawah s. 32(b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954. (perenggan 29 & 43)

(3) Sekiranya Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 yang dibuat di bawah s. 16 Akta Pilihan Raya 1958 hendak dicabar ia tidak boleh dicabar melalui petisyen pilihan raya. Tindakan mencabar undang-undang pilihan raya hendaklah dibezakan dengan satu keputusan atau perjalanan proses pilihan raya. Inilah yang telah gagal dibezakan oleh pempetisyen. Mahkamah pilihan raya tidak mempunyai bidangkuasa untuk membuat deklarasi atau perintah bahawa sesuatu undang-undang adalah *ultra vires* Akta Induk atau Perlembagaan Persekutuan. Mahkamah pilihan raya hanya mempunyai kuasa untuk memutuskan sama ada sesuatu perjalanan pilihan raya telah dijalankan mengikut peruntukan undang-undang, bukan melihat sama ada peruntukan undang-undang itu sendiri merupakan undang-undang yang sah atau tidak. Keesahan atau kesahihan Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 tidak boleh dicabar melalui satu petisyen pilihan raya. (perenggan 32, 34, 35 & 43)

(4) Mahkamah tidak dapat menerima bantahan awal responden ketiga atas alasan k. 15(1) Kaedah-kaedah Petisyen Pilihan Raya 1954 tidak secara spesifik menyatakan sesuatu petisyen perlu diserahkan kepada responden oleh pempetisyen sendiri seperti yang dihujahkan oleh responden ketiga. Apa yang dinyatakan secara spesifik di dalam kaedah tersebut ialah sesuatu petisyen hendaklah diserah atau disampaikan kepada

responden dalam tempoh masa 15 hari selepas difailkan di mahkamah. Kaedah 9 Kaedah-Kaedah yang sama memperuntukkan pempetisyen boleh melantik dan diwakili oleh peguamcaranya di dalam sesuatu prosiding petisyen pilihan raya. Ini bermakna pemfailan dan penyampaian petisyen tersebut kepada responden boleh dilaksanakan oleh peguamcaranya atau wakilnya; atau melalui pos. Mahkamah tidak akan menterjemahkan peraturan-peraturan yang membawa kesan yang tidak praktikal untuk dilaksanakan. Bagaimana sesuatu petisyen disampaikan kepada responden, sama ada secara sendiri, atau pos, atau melalui wakil/penghantar proses bagi pihak pempetisyen atau peguamcaranya, adalah merupakan perkara yang agak remeh dan tidak sama sekali menjejaskan hak dan kepentingan responden di dalam prosiding petisyen tersebut. Mahkamah berpendapat dan memutuskan bantahan awal ini oleh responden ketiga (mengenai penyerahan petisyen) adalah tidak bermerit dan ditolak. (perenggan 40, 41 & 42)

(5) Ketiga-tiga bantahan awal oleh responden pertama dan kedua mengenai s. 32 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (yang juga disokong sama oleh responden ketiga) adalah diterima dengan kos. Dengan itu, mahkamah memutuskan petisyen ini adalah cacat. Bantahan awal oleh responden ketiga (mengenai penyampai petisyen) adalah ditolak dengan kos. (perenggan 44)

Kes-kes yang dirujuk:

Bong Geok Beng v. Ahmad Nordin Mohamed Amin & Ors [1978] 1 LNS 18 HC ***(dirujuk)***

Charlee Soh Cheng Hiong v. Pengerusi Pilihan Raya Negeri Sarawak & Ors [2002] 1 LNS 133 ***(dirujuk)***

Chong Thain Vun v. Watson & Anor [1967] 1 LNS 29 ***(dirujuk)***

Dayrell Walter Entrie v. Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu Numpang [2007] 7 CLJ 11 HC ***(dirujuk)***

Devan Nair v. Yong Kuan Teik [1967] 1 LNS 37 PC ***(dirujuk)***

Dr Shafie Abu Bakar v. Pegawai Pengurus PilihanRaya N26 Bangi & Ors and Other Petitions [2005] 5 CLJ 349 HC ***(dirujuk)***

Gan Joon Zin v. Fong Kui Lun & Ors [2004] 4 CLJ 729 FC ***(dirujuk)***

In Re Paulus Anak Angah & Ors; Donald Lawan v. Mong Dagang [1998] 5 CLJ 297 HC ***(dirujuk)***

Kua Kia Soong lwn. Mohd Nor Bador & Anor [1996] 1 CLJ 429 HC ***(dirujuk)***

Mohamad Hanafi Seman lwn. Wan Othman Wan Yusoff & Yang Lain [2000] 3 CLJ 811 HC ***(dirujuk)***

Muip Tabib v. Dato' James Wong, Wan Hamid Tuanku Surur v. Francis Loke [1970] 1 LNS 83 HC ***(dirujuk)***
Norbert Choong Kai Chong & Anor v. Mohamed Idris Hj Ibrahim & Anor [1978] 1 LNS 133 HC ***(dirujuk)***
Patau Rubis v. Patrick Uren & Anor [1984] 1 CLJ 51; [1984] 2 CLJ (Rep) 348 HC ***(dirujuk)***
Tengku Korish v. Mohamed Jusoh & Anor [1970] 1 MLJ 6 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Courts of Judicature Act 1964, ss. 23, 24
Elections Act 1958, ss. 13(2), 16(2)
Election Offences Act 1954, ss. 32(b), 36
Election Petition Rules 1954, kk. 9, 15(1)
Elections (Postal Voting) Regulations 2003, reg. 12
Federal Constitution, arts. 4(1), 8(1), 118, 128

Bagi pihak responden pertama & kedua - Azizan Arshad (Habibah Haron & Rafidah Che' Aziz TPR bersamanya)
Bagi pihak responden ketiga - Firoz Hussein (Shamshawal Azraai Ahmad, Mohamad Rafai & Julita Illani bersamanya)
Bagi pihak pempetisyen - Mohd Arif Yusof (Dato' Wan Mutalib Embong, Kamarulzaman Wahab, Nasrul Mohamad, Haris Abd Malik & Hisham Fauzi bersamanya)

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Ramly Ali H:

Relif Petisyen

[1] Kes ini melibatkan Petisyen Pilihanraya P36 Parlimen Kuala Terengganu oleh calon Parti Islam Se-Malaysia (PAS) (sebagai pempetisyen) ke atas Pegawai Pengurus Pilihanraya, Dato' Haji Mat Razali Kassim, responden pertama; Suruhanjaya Pilihanraya, responden kedua dan calon Barisan Nasional (BN), Razali bin Ismail, responden ketiga. Responden ketiga telah dilapor pilih sebagai calon yang menang (dengan majoriti undi sebanyak 628 undi) dalam pilihanraya tersebut oleh responden pertama dan kemenangan itu telah diwartakan oleh responden kedua.

[2] Petisyen ini telah dibuat di bawah s. 32(b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 yang memperuntukkan, antara lain, hak seseorang calon untuk membatalkan sesuatu pilihan raya jika berlaku ketidakpatuhan mana-mana peruntukan undang-undang bertulis berhubungan dengan perjalanan mana-mana pilihan raya jika didapati bahawa pilihan raya itu telah tidak dijalankan mengikut prinsip yang ditetapkan dalam mana-mana undang bertulis dan bahawa ketidakpatuhan itu telah menyentuh keputusan pilihan raya itu.

[3] Relif-relif yang dipohon oleh pempetisyen adalah seperti berikut:

(a) Pengisytiharan bahawa pilihan raya tersebut tidak sah;

(b) Pengisytiharan bahawa responden ketiga, Razali bin Ismail tersebut telah tidak dipilih dengan sewajarnya atau sepatutnya tidak dilaporpilih;

(c) Kos;

(d) Pengesahan dan arahan-arahan di bawah s. 36 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954; dan

(e) Relif-relif lain yang difikirkan sesuatu dan manfaat oleh mahkamah.

Alasan-Alasan Pempetisyen

[4] Alasan-alasan yang digunakan oleh pempetisyen sebagai menyokong petisyen ini adalah seperti yang terkandung di dalam perenggan-perenggan 6 dan 7 petisyen.

[5] Perenggan 6 petisyen ini menyatakan bahawa Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 yang dibuat di bawah s. 16 Akta Pilihan Raya 1958 (Akta 19) adalah *ultra vires* ss. 13(2) dan 16(2) Akta Pilihan Raya 1958 di atas alasan-alasan berikut:

(a) Pengundian secara pos yang dibuat menurut Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 tidak menjamin kerahsiaan undi yang menjadi satu asas dalam pilihanraya yang adil dan bersih.

(b) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 yang dibuat oleh responden kedua adalah melampaui skop s. 16 Akta Pilihanraya 1958.

(c) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 bercanggah dengan s. 13(2) Akta PilihanRaya 1958 yang memperuntukkan tentang perlunya undi dilakukan secara rahsia dan dimasukkan ke dalam satu peti undi terjamin selamat, mengikut cara yang menjadikan undi itu rahsia.

(d) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 mengandungi peruntukan-peruntukan yang secara jelas menjejaskan unsur kerahsiaan undi yang dijamin oleh s. 13(2) Akta PilihanRaya 1958 kerana:

(i) Seorang pengundi pos yang berhasrat untuk menggunakan undinya diwajibkan menggunakannya dengan melengkapkan dan menghantar kertas undi dan Borang 2 sepertimana yang diperuntukkan di bawah Peraturan 12 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003.

(ii) Borang 2 iaitu Borang Perisytiharan Identiti perlu ditandatangani oleh pengundi pos di hadapan seorang saksi.

(iii) Borang 2 juga menghendaki nombor kertas undi dinyatakan.

(iv) Nombor kertas undi juga perlu dinyatakan pada sampul A.

(v) Sebaik sahaja mengundi, pengundi pos dikehendaki memasukkan kertas undi yang telah ditandakan di dalam sampul surat kecil bertanda “A” dan sampul “A” tersebut berserta dengan Borang 2 perlu dimasukkan ke dalam sampul yang lebih besar bertanda “B” yang seterusnya dialamatkan kepada responden pertama.

(vi) Sampul B boleh ditolak jika sampul tersebut tidak mengandungi Borang 2 tersebut sekaligus menunjukkan bahawa pengisian Borang 2 adalah bersifat mandatori di mana kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan pengundian pengundi pos tersebut akan ditolak oleh responden pertama.

A (vii) Dengan wujudnya satu keperluan untuk pengundi pos mengisi Borang 2 yang perlu ditandatangani di hadapan seorang saksi dan perlu dihantar kepada responden pertama bersama-sama kertas undi yang telah ditandakan oleh pengundi pos mengakibatkan identiti pengundi pos terdedah
B sekaligus kerahsiaan undi pengundi pos tersebut tidak lagi terjamin.

[6] Perenggan 7 Petisyen ini pula menyatakan bahawa Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 adalah bercanggah
C dengan Perkara 8(1) Perlembagaan Persekututan dan berdasarkan Perkara 4(1) Perlembagaan Persekutuan, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 tersebut adalah terbatal di atas alasan-alasan berikut:

D (a) Dengan wujudnya satu keperluan untuk Pengundi pos mengisi dokumen perisytiharan identiti (Borang 2) yang perlu ditandatangani di hadapan seorang saksi dan perlu dihantar kepada responden pertama bersama-sama kertas undi yang telah ditandakan oleh pengundi pos mewujudkan satu
E diskriminasi di mana pengundi pos tidak dilayan secara adil dan saksama sepertimana pengundi biasa (yang tidak mengundi secara pos).

(b) Pengundi biasa tidak diwajibkan oleh mana-mana undang-undang untuk mengisi sebarang dokumen perisytiharan identiti
F sepertimana Borang 2 bagi membolehkan mereka mengundi dan kertas undi mereka diterima oleh responden pertama dan kedua.

(c) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 yang
G mewujudkan satu diskriminasi di antara pengundi pos dan pengundi biasa (yang tidak mengundi secara pos) adalah satu undang-undang yang tidak adil.

Bantahan Awal Oleh Responden-Responden

H **[7]** Responden pertama dan kedua telah memberikan notis bantahan awal kepada pempetisyen yang memohon mahkamah ini membuat keputusan terlebih dahulu sama ada kes ini patut dibicarakan atau tidak berdasarkan alasan berikut:

I

(a) bahawa petisyen ini adalah cacat kerana tidak berasaskan kepada mana-mana alasan sepertimana yang diperuntukkan oleh s. 32 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5);

(b) bahawa petisyen ini tidak menunjukkan bagaimana ketidakpatuhan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan mana-mana perjalanan pilihan raya telah menjejaskan keputusan pilihan raya sepertimana yang diperuntukkan di bawah s. 32(b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.

(c) keesahan Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 tidak boleh dicabar melalui satu petisyen pilihan raya.

[8] Responden ketiga juga menyatakan hasratnya untuk mengemukakan bantahan awal yang sama seperti yang dikemukakan oleh responden pertama dan responden kedua. Di samping itu, responden ketiga juga mengemukakan bantahan awal tambahan ie, mahkamah ini tidak mempunyai bidangkuasa untuk mendengar petisyen ini atas alasan kegagalan pempetisyen mematuhi peruntukan k. 15(1) Kaedah-Kaedah Petisyen Pilihan Raya 1954 kerana gagal menyerahkan petisyen ini secara sendiri kepada responden ketiga.

Mahkamah Perlu Memutuskan Bantahan Awal Terlebih Dahulu

[9] Bantahan awal yang dibuat oleh responden pertama dan responden kedua perlu diputuskan terlebih dahulu kerana ianya melibatkan bidangkuasa mahkamah untuk mendengar dan memutuskan petisyen. Petisyen Pilihan Raya yang cacat dan tidak teratur (defective) merupakan suatu pembatalan (nullity) petisyen tersebut.

[10] Pendirian mahkamah berkaitan dengan kecacatan dan ketidakaturan petisyen yang membawa kepada pembatalan petisyen tanpa melalui perbicaraan penuh boleh dilihat menerusi kes-kes berikut:

(a) *Gan Joon Zin v. Fong Kui Lun & Ors* [2004] 4 CLJ 729;

(b) *Norbert Choong Kai Chong & Anor v. Mohamed Idris bin Haji Ibrahim & Anor* [1978] 1 LNS 133;

(c) *Chong Thain Vun v. Watson & Anor* [1968] MLJ 65;

(d) *Patau Rubis v. Patrick Uren & Anor* [1984] 1 CLJ 51; [1984] 2 CLJ (Rep) 348;

(e) *Kua Kia Soong lwn. Mohd. Nor Bador & Anor* [1996] 1 CLJ 429;

(f) *Dr Shafie Abu Bakar v. Pegawai Pengurus PilihanRaya N.26 Bangi & Ors and Other Petitions* [2005] 5 CLJ 349;

(g) *Muip bin Tabib v. Dato' James Wong, Wan Hamid bin Tuanku Surur v. Francis Loke* [1970] 1 LNS 83;

(h) *Tengku Korish v. Mohamed bin Jusoh & Anor* [1970] 1 MLJ 6;

(i) *In Re Paulus Anak Angah & Ors; Donald Lawan v. Mong Dagang* [1998] 5 CLJ 297.

[11] Dalam kes *Gan Joon Zin v. Fong Kui Lun & Ors.* [2004] 4 CLJ 729 yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan di mana Abdul Hamid Mohamed FCJ (sekarang Ketua Hakim Negara) menyatakan:

> After hearing submission on the preliminary objections, the learned judge held that the said petition was defective as the mandatory requirements were not met. As such the said petition was struck out with cost. We do not think that it can be argued that an Election Judge has no power to strike out an election petition but must go through the whole process of trial and make determination at the conclusion of the trial. We have seen that it had been the practice of Election Judges in this country ever since the laws on elections were introduced in this country to strike out election petitions in appropriate cases. The observation by the Privy Council in *Devan Nair (supra)* is very clear.

[12] Dalam kes *Norbert Choong Kai Chong & Anor v. Mohamed Idris bin Haji Ibrahim & Anor* [1978] 1 LNS 133 Mahkamah Pilihan Raya mempunyai bidangkuasa untuk mendengar isu-isu awal yang dikemukakan sama ada melalui notis usul atau suatu notis bantahan awal "... on the grounds that objections to an election petition are issues of law which should be disposed of as preliminary issues for which no notice is required".

[13] Dalam kes *Chong Thain Vun v. Watson & Anor* [1968] 1 MLJ 65. Mahkamah memutuskan bahawa:

In order to cleanse his list an Election Judge has the power to dismiss an election petition on procedural ground.

[14] Di dalam kes *Chong Thain Vun v. Watson & Anor* [1968] 1 MLJ 65 Lee Hun Hoe J memutuskan:

... the Election Petition Rules are mandatory and require strict compliance therewith. Non-compliance with the provisions of the Rules or the Ordinance must necessarily result in a jurisdictional defect and the court has no power to entertain the petitions.

[15] Selanjutnya di ms 72 mahkamah memetik Lort Pearce dalam kes *Arzu v. Arthur*:

... it decided in its perculiar jurisdiction that the petitions were defective. As a result the petitions were dismissed. A dismissal based on a procedural matter is nonetheless a decision in an election petition, even where the matter has not proceeded to the hearing the evidence.

[16] Dalam kes *Patau Rubis v. Patrick Uren & Anor* [1984] 1 CLJ 51; [1984] 2 CLJ (Rep) 348 berkaitan isu bidangkuasa Mahkamah Pilihan Raya, Charles Ho J menyatakan:

The jurisdiction of the Court to hear election petition is a creature of statute not only in this country but also in countries like India and England. Judges who hear election petitons had described this jurisdiction as a special jurisdiction or a peculiar jurisdiction. In exercising this special jurisdiction the Court has the inherent power to dismiss or strike out petitions which are defective. (see *Devan Nair v. Yong Kuan Teik* [1967] 1 LNS 37).

[17] Di dalam petisyen ini, bantahan awal yang ditimbulkan oleh responden-responden adalah berkaitan bidangkuasa mahkamah ini sebagai Mahkamah Pilihan Raya. Dalam hal sedemikian, sekiranya bantahan awal tersebut dibenarkan oleh mahkamah, ini bermakna keseluruhan kes akan dapat diselesaikan tanpa perlu melalui proses perbicaraan penuh yang sudah pasti akan memakan masa yang lebih lama dan membuang masa dan kos. Berdasarkan otoriti-otoriti yang disebutkan di atas, mahkamah berpuashati bahawa mahkamah ini sebagai Mahkamah Pilihan Raya sememangnya mempunyai bidangkuasa untuk memutuskan isu bantahan awal dan dengan itu mahkamah memutuskan untuk mendengar dan memutuskan isu bantahan awal ini terlebih dahulu.

Bantahan Awal 1: Bahawa Petisyen Ini Adalah Cacat Kerana Tidak Berasaskan Kepada Mana-mana Alasan Seperti Yang Diperuntukkan Di Bawah s. 32 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5)

[18] Seksyen 32 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 memperuntukkan seperti berikut:

> 32. The election of a candidate at any election shall be declared to be void on an election petition on any of the following grounds only which may be proved to the satisfaction of the Election Judge:
>
> (a) that general bribery, general treating or general intimidation have so extensively prevailed that they may be reasonably supposed to have affected the result of the election;
>
> (b) non-compliance with the provisions of any written law relating to the conduct of any election if it appears that the election was not conducted in accordance with the principles laid down in such written law and that such non-compliance affected the result of the election.
>
> (c) that a corrupt practice or illegal practice was committed in connection with the election by the candidate or with his knowledge or consent, or by any agent of the candidate;
>
> (d) That the candidate personally engaged a person as his election agent, or as a canvasser or agent, knowing that such person had within seven years previous to such engagement being convicted or found guilty of a corrupt practice by a Sessions Court, or by the report of an Election Judge; or
>
> (e) that the candidate was at the time of his election a person disqualified for election.

[19] Di Malaysia, hak seseorang untuk mempertikaikan sesuatu keputusan pilihan raya adalah merupakan hak ciptaan statut iaitu s. 32 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, dan bukannya hak di bawah Common Law atau ekuiti. Melalui hak tersebut, seseorang pempetisyen boleh memohon kepada Mahkamah Pilihan Raya untuk mengisytiharkan sesuatu keputusan pilihan raya (yang telah diperolehi melalui undi majoriti) sebagai tidak sah. Oleh itu sebelum mahkamah dapat membenarkan sesuatu deklarasi yang dipohon oleh pempetisyen semua peruntukan statut yang berkenaan (dalam

kes ini – s. 32, Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 hendaklah dipatuhi sepenuhnya dengan ketat. Mahkamah tidak boleh mengambil kira perkara-perkara yang tidak diperuntukkan di bawah s. 32 tersebut, walaupun perkara-perkara tersebut terdapat di bawah 'common law' atau ekuiti.

[20] Di dalam kes *Tengku Korish v. Mohamed bin Jusoh & Anor* [1970] 1 MLJ 6, Raja Azlan Shah J pernah memutuskan seperti berikut:

> It is well recognized that I must not go outside the province of the election law. The Election Offences Act 1954 confers certain rights and provides a remedy for enforcing those rights. Where that is the case, the remedy provided by that statute only must be availed of.

[21] Di dalam kes tersebut *(Tengku Korish)* mahkamah yang sama telah juga memutuskan seperti berikut:

> What "right" does the Election Offences Act 1954 confer, using the word "right" in its broad sense? In my judgment, the right conferred by that Act is a special kind of right unknown to the common law or equity, and the Court which administers it possesses a special kind of jurisdiction (see *Therberge v. Loundry, Goonesinha v. Hon. C.I. de Kretser* or what is said in *Arzu v. Arthur* as a peculiar jurisdiction). It is not a civil right but a creature of statute or special law and must be subject to the limitations imposed by it (see *Ponnuswami v. Returning Officer, Nammakkal Constituency & Ors.*).
>
> The statutory requirements of election law are mandatory and must be strictly observed: see *Devan Nair v. Yong Kuan Teik, Harcharan Singh v. Mohinder Singh* and *Chong Thain Vun v. Watson & Anor.*

(Juga lihat kes: *Mohamad Hanafi Seman lwn. Wan Othman Wan Yusoff & Yang Lain* [2000] 3 CLJ 811; dan *Dr. Shafie Abu Bakar v. Pegawai Pengurus PilihanRaya N. 26 Bangi & Ors & Other Petitions* [2005] 5 CLJ 349).

[22] Seksyen 32 adalah merupakan seksyen mandatori yang perlu dipatuhi dengan ketat oleh pempetisyen. Di bawah s. 32 tersebut hanya terdapat lima (5) alasan sahaja untuk membatalkan sesuatu keputusan pilihan raya melalui sesuatu petisyen. Sesuatu petisyen di mana alasannya tidak termasuk di dalam salah satu daripada lima

(5) alasan tersebut, tidak boleh dilayani oleh Mahkamah Pilihan Raya. Mahkamah Pilihan Raya tidak mempunyai bidangkuasa untuk berbuat demikian.

[23] Perkara tersebut jelas digambarkan di dalam peruntukan s. 32 itu sendiri di mana ianya telah dipinda melalui Warta Kerajaan No. AA1177/02 untuk memasukkan perkataan "sahaja (only)" selepas perkataan "the following grounds" di awal seksyen tersebut. Kesan ketara bagi pindaan tersebut ialah untuk menekankan lagi bahawa hanya lima (5) alasan-alasan berkenaan sahaja yang boleh digunakan untuk sesuatu petisyen di bawah seksyen tersebut.

Bantahan Awal 2: Bahawa Petisyen Ini Tidak Menunjukkan Bagaimana Ketidakpatuhan Peruntukkan Mana-mana Undang-undang Bertulis Yang Berhubungan Dengan Mana-Mana Perjalanan Pilihan Raya Telah Menjejaskan Keputusan Pilihan Raya Seperti Yang Diperuntukkan Di Bawah s. 32(b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954

[24] Di dalam kes ini, pempetisyen mendakwa petisyen ini adalah berlandaskan kepada s. 32(b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954. Pempetisyen di bawah s. 32(b) perlu membuktikan apakah ketidakpatuhan perjalanan pilihan raya yang telah menyebabkan sesuatu keputusan pilihan raya menjadi tidak sah atau terbatal dan seterusnya ketidakpatuhan tersebut menjejaskan keputusan pilihan raya berkenaan.

[25] Di dalam teks Bahasa Malaysia, s. 32(b) Akta tersebut memperuntukkan:

> ketidakpatuhan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan perjalanan mana-mana pilihan raya jika didapati bahawa pilihan raya itu telah tidak dijalankan mengikut prinsip yang ditetapkan dalam mana-mana undang-undang bertulis dan bahawa ketidakpatuhan itu telah menyentuh keputusan pilihan raya itu.

[26] Seksyen 32(b) mempunyai dua bahagian iaitu:

(a) ketidakpatuhan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan perjalanan mana-mana pilihan raya jika didapati bahawa pilihan raya itu telah tidak dijalankan mengikut prinsip yang ditetapkan dalam mana-mana undang-undang bertulis; dan

(b) bahawa ketidakpatuhan itu telah menyentuh keputusan pilihan raya itu.

[27] Di dalam kes *Bong Geok Beng v. Ahmad Nordin bin Mohamed Amin & Ors* [1978] 1 LNS 18, Wan Yahya H pernah memutuskan seperti berikut:

> Section 32 of the Election Offences Act, 1954 requires the petitioner not only to state specifically in his petition which provisions of the law on which non compliance is alleged to have taken place but also to supply adequate information as to how the Respondent is said to have offended the law.

[28] Di dalam kes ini pempetisyen telah gagal menunjukkan apakah tindakan ketidakpatuhan undang-undang bertulis yang telah dilakukan oleh mana-mana pihak berkaitan perjalanan pilihan raya berkenaan. "Ketidakpatuhan" yang dimaksudkan adalah merujuk kepada tindakan atau perlakuan mana-mana pihak berkenaan yang tidak mematuhi mana-mana peruntukan undang-undang bertulis mengenai perjalanan pilihan raya.

[29] Di dalam petisyen ini Pempetisyen merujuk kepada Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 sebagai undang-undang bertulis berkenaan bagi maksud s. 32(b) tersebut. Apa yang dipertikaikan oleh pempetisyen bukanlah mengenai tindakan atau perlakuan ketidakpatuhan mana-mana pihak terhadap undang-undang tersebut sebaliknya pempetisyen mencabar kesahihan suatu undang-undang bertulis iaitu Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 yang dibuat di bawah s. 16 Akta Pilihan Raya 1958. Dalam lain perkataan pempetisyen telah mencabar atau mempertikaikan tindakan atau perlakuan pihak-pihak berkenaan yang mematuhi peraturan-peraturan tersebut, bukan ketidakpatuhan peraturan-peraturan tersebut seperti yang dikehendaki di bawah s. 32(b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.

Bantahan Awal 3: Keesahan Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 Tidak Boleh Dicabar Melalui Suatu Petisyen Pilihan Raya

[30] Petisyen ini jelas berlandaskan kepada cabaran pempetisyen bahawa Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 yang dibuat di bawah s. 16 Akta Pilihan Raya 1958 adalah *ultra vires* s. 13(2) dan 16(2) Akta Pilihan Raya 1958 dan juga Perkara 8(1) Perlembagaan Malaysia.

[31] Sebagai suatu undang-undang subsidiari, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 adalah merupakan suatu undang-undang bertulis yang mempunyai keesahan dan kuatkuasa yang sama seperti undang-undang bertulis yang lain. Ianya akan terus berkuatkuasa melainkan dibatalkan oleh mahkamah yang berbidangkuasa atau dipinda atau dimansuhkan oleh badan yang berkuasa. Selagi peraturan-peraturan tersebut tidak dibatalkan oleh mahkamah yang berbidangkuasa atau dimansuhkan, peraturan-peraturan tersebut akan terus sah sebagai undang-undang dan terus berkuatkuasa.

[32] Sekiranya Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 yang dibuat di bawah s. 16 Akta Pilihan Raya 1958 hendak dicabar ia tidak boleh dicabar melalui Petisyen Pilihan Raya. Tindakan mencabar undang-undang pilihan raya hendaklah dibezakan dengan satu keputusan atau perjalanan proses pilihan raya. Inilah yang telah gagal dibezakan oleh pempetisyen.

[33] Bidang kuasa Mahkamah Pilihan Raya tidak sama dengan bidang kuasa Mahkamah Tinggi kerana bidang kuasa Mahkamah Pilihan Raya adalah spesifik sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s. 32 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 sahaja dan kewujudannya berasaskan Perkara 118 Perlembagaan. Manakala bidangkuasa Mahkamah Tinggi diperuntukkan di bawah ss. 23 dan 24 Akta Mahkamah Kehakiman dibaca bersama dengan Perkara 128 Perlembagaan Persekutuan.

[34] Atas alasan tersebut, Mahkamah Pilihan Raya tidak mempunyai bidangkuasa untuk membuat deklarasi atau perintah bahawa sesuatu undang-undang adalah *ultra vires* Akta Induk atau Perlembagaan Persekutuan.

[35] Mencabar keesahan atau kesahihan sesuatu undang-undang pilihan raya tidak termasuk dalam bidang kuasa Mahkamah Pilihan Raya dan oleh itu tiada sebarang deklarasi sedemikian boleh dibenarkan. Mahkamah Pilihan Raya hanya mempunyai kuasa untuk memutuskan sama ada sesuatu perjalanan pilihan raya telah dijalankan mengikut peruntukan undang-undang, bukan melihat sama ada peruntukan undang-undang itu sendiri merupakan undang-undang yang sah atau tidak.

[36] Sehubungan dengan ini, mahkamah bersetuju dan menerimapakai prinsip yang telah diputuskan oleh Ian Chin H, di dalam kes *In Re Paulus Anak Angah & Ors; Donald Lawan v. Mong Dagang* [1998] 5 CLJ 297 di mana pernah diputuskan seperti berikut:

> ... that there is no Election Court as such but an election judge who only have powers as provided under sections 35, 36 and 37 which do not include a power to make any declaration relating to the validity of any provisions of the Act.

Bantahan Awal 4 Oleh Responden 3: Kegagalan Pempetisyen Mematuhi k. 15(1), Kaedah-kaedah Petisyen Pilihan Raya 1954

[37] Kaedah 15(1), Kaedah-Kaedah Petisyen Pilihan Raya 1954 memperuntukkan seperti berikut:

> **15. Notice of petition and copy of petition to be served on Respondent**
>
> (1) Notice of the presentation of a petition, accompanied by a copy of the petition, shall within fifteen days of the presentation of the petition, **be served by the petitioner:**
>
> (a) on the Respondent personally which shall be effected by delivering the notice and a copy of the petition to the Respondent;
>
> (b) by sending the notice and a copy of the petition by pre-paid registered post addressed to the Respondent at his usual or last known place of residence or business; or
>
> (c) by posting a notice on the notice board of the High Court in the State in which that constituency or electoral ward is situated and by publishing a notice in a national language newspaper and in any other newspaper circulating within the constituency or electoral ward in which the election was held stating that such petition has been presented and that a copy of the notice of presentation of the petition and a copy of the petition may be obtained by the Respondent free of charge on application at the office of the Registrar.

[38] Responden ketiga, telah menimbulkan bantahan awal tambahan bahawa pempetisyen telah gagal menyerahkan petisyen ini secara sendiri kepada responden ketiga dan dengan itu pempetisyen dikatakan telah gagal mematuhi kehendak k. 15(1)

Kaedah-Kaedah Petisyen Pilihan Raya 1954. Responden ketiga menghujahkan ayat "be served by the petitoner" di dalam k. 15(1) tersebut bermakna petisyen berkenaan hendaklah diserahkan sendiri oleh pempetisyen kepada responden-responden bukan melalui wakil atau cara lain. Responden ketiga menghujahkan bahawa penyerahan petisyen ke atas kesemua responden-responden telah dibuat oleh orang lain yang ternyata di dalam afidavit penyampaian (kandungan 10A, 11 dan 12) dan dengan itu penyerahan tersebut mengikut responden ketiga, adalah tidak sah.

[39] Responden ketiga menghujahkan bahawa pematuhan k. 15(1) adalah mandatori, dan kegagalan pempetisyen mematuhi kaedah tersebut menjadikan petisyennya sebagai tidak sah dan terbatal; dan mahkamah tidak mempunyai bidangkuasa untuk mendengarnya. Untuk menyokong hujahannya, responden ketiga mengemukakan kes-kes:

(a) *Dayrell Walter Entrie v. Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu Numpang* [2007] 7 CLJ 11

(b) *Devan Nair v. Yong Kuan Teik* [1967] 1 LNS 37 (Privy Council)

(c) *Chong Thain Vun v. Watson & Anor* [1967] 1 LNS 29

(d) *Charlee Soh Cheng Hiong v. Pengerusi Pilihan Raya Negeri Sarawak And Ors* [2002] 1 LNS 133).

Malangnya, mahkamah berpendapat, kes-kes tersebut tidak dapat membantu hujahan responden ketiga kerana isu yang diputuskan di dalam kes-kes tersebut adalah mengenai tempoh masa 15 hari serahan kepada responden; dan bukannya isu sama ada sesuatu petisyen itu perlu diserah atau disampaikan sendiri oleh pempetisyen kepada responden.

[40] Mahkamah tidak dapat menerima bantahan awal responden ketiga ini atas alasan k. 15(1) tidak secara spesifik menyatakan sesuatu petisyen perlu diserahkan kepada responden oleh pempetisyen sendiri seperti yang dihujahkan oleh responden ketiga. Apa yang dinyatakan secara spesifik di dalam kaedah tersebut ialah sesuatu petisyen hendaklah diserah atau disampaikan kepada responden dalam tempoh masa 15 hari selepas difailkan di mahkamah.

[41] Kaedah 9, kaedah-kaedah yang sama memperuntukkan pempetisyen boleh melantik dan diwakili oleh peguamcaranya di dalam sesuatu prosiding petisyen pilihan raya. Ini bermakna, pemfailan dan penyampaian petisyen tersebut kepada responden boleh dilaksanakan oleh penguamcaranya atau wakilnya; atau melalui pos. Kalaulah bantahan awal responden ketiga ini diterima, ini bermakna seseorang pempetisyen yang cacat atau yang menggunakan kerusi-roda, akan terpaksa bersusah payah untuk menyampaikan sendiri petisyen tersebut kepada responden. Ini tidak praktikal. Melainkan terdapat peruntukan nyata (express provisions) di dalam peraturan-peraturan berkenaan, mahkamah tidak akan menterjemahkan peraturan-peraturan yang membawa kesan yang tidak praktikal untuk dilaksanakan. Lagipun tujuan utama penyampaian petisyen ialah untuk memberi peluang kepada responden untuk mendapatkan salinan petisyen tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan supaya responden mempunyai masa yang cukup untuk membuat persediaan yang perlu bagi mempertahankan petisyen tersebut. Bagaimana petisyen tersebut disampaikan kepada responden, sama ada secara sendiri, atau pos, atau melalui wakil/penghantar proses bagi pihak pempetisyen atau peguamcaranya, adalah merupakan perkara yang agak remeh dan tidak sama sekali menjejaskan hak dan kepentingan responden di dalam prosiding petisyen tersebut.

[42] Atas alasan di atas, mahkamah berpendapat dan memutuskan bantahan awal ini oleh responden ketiga (mengenai penyerahan petisyen) adalah tidak bermerit dan ditolak dengan kos.

Keputusan

[43] Berdasarkan pertimbangan di atas, mahkamah dengan ini memutuskan seperti berikut:

(a) Petisyen ini adalah cacat kerana tidak berlandaskan kepada mana-mana alasan seperti yang diperuntukkan di bawah s. 32 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954;

(b) Petisyen ini tidak menunjukkan bagaimana ketidakpatuhan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan mana-mana perjalanan pilihan raya yang telah menjejaskan keputusan pilihan raya seperti yang diperuntukkan di bawah s. 32(b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954;

A (c) Keesahan atau kesahihan Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 tidak boleh dicabar melalui satu Petisyen pilihan raya.

[44] Oleh yang demikian, mahkamah memutuskan:

B (a) Ketiga-tiga bantahan awal oleh responden pertama dan kedua mengenai s. 32 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (yang juga disokong sama oleh responden ketiga) adalah diterima dengan kos. Dengan itu, mahkamah memutuskan petisyen ini adalah cacat dan ditolak dengan kos; dan

C (d) bantahan awal oleh responden ketiga (mengenai penyampaian petisyen) adalah ditolak dengan kos.

D

E

F

G

H

I